

## JAKMAS KKTU Anjur Qiamulai Perdana

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 28 September 2018 17:31 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 249

[Kongsi 2](#)[Syorkan 2](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**JUMAAT, 28 SEPTEMBER** – Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTU), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Qiamulai Perdana di Masjid UMS baru-baru ini.

Pengetua Kolej KKTU, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin berkata, penganjuran program itu bertujuan mendidik mahasiswa lebih mendekati program-program berbentuk keilmuan.

“Program ini menitikberatkan keperluan rohani dan semangat ukhuwah dan bersatu-padu antara satu sama lain melalui pelbagai aktiviti yang disediakan termasuk perkongsian daripada Timbalan Pengerusi Yayasan Dana

Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM), Ghafur Rahim Mustakim dan sesi *ice breaking*,” katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Felo KKTU, Salwa Naidin berkata, program tersebut telah mendapat sambutan yang memberangsangkan walaupun ia merupakan program yang julung kalinya dianjurkan Exco Kerohanian JAKMAS KKTU.

“Alhamdulillah, sambutan yang diterima sangat menggalakkan yang menyaksikan penyertaan seramai 123 pelajar yang bukan hanya terdiri daripada kalangan mahasiswa KKTU tetapi juga dari Kolej Kediaman Tun Fuad dan juga Kolej Excellent,” jelasnya.

Salwa berharap program sedemikian akan diteruskan lagi pada masa akan datang yang dilihat mampu meraih sambutan yang lebih memberangsangkan daripada para mahasiswa.

Turut pada program tersebut adalah bacaan Al-Mulk, Solat Tahajjud, Solat Sunat Taubat dan Solat Hajat.